

Bahagian 3:

Menyorot Sejenak Sejarah Cukai Langsung Negara

Kutipan cukai pendapatan negara meningkat dengan ketara pada setiap tahun selaras dengan tuntutan agenda pembangunan negara yang memerlukan hasil negara yang banyak. Kecemerlangan kutipan cukai pendapatan ini disumbangkan melalui agenda pembangunan ekonomi yang telah dirancang dengan sebaik-baiknya dalam Dasar Wawasan Negara (2001–2010) yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dan RMKe-9. Sedar akan hakikat bahawa Malaysia tidak mampu bersaing dengan negara lain dalam menarik perhatian pelaburan yang berintensifkan kos rendah, Malaysia telah memilih untuk menggalakkan perkembangan industri yang berasaskan teknologi tinggi serta perkembangan sektor perkhidmatan. Kerajaan memberikan galakan bagi pelaburan swasta tempatan di samping pelaburan langsung asing yang berkualiti sebagai penggerak ekonomi negara. Multimedia Super Corridor (MSC) terus dijadikan sebagai pemangkin bagi perkembangan industri berkenaan selain meningkatkan lagi taraf infrastruktur perhubungan dan komunikasi negara. Insentif percukaian juga telah digubal semula untuk disesuaikan dengan dasar berkenaan.

Melalui dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya termasuklah semakan dasar percukaian dalam meremajakan ekonomi negara, Malaysia telah berjaya keluar daripada kepompong ekonomi berpendapatan rendah dan sederhana. Malaysia mempunyai impian untuk mengejar status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2050. Kini, kutipan cukai pendapatan yang dikemudi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melebihi angka RM100 bilion sejak tahun 2011. LHDNM berjaya mengekalkan rekod kutipan melebihi RM100 bilion dan ini membantu kerajaan dalam menyediakan subsidi kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia, Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Keluarga Malaysia, Sumbangan Tunai Rahmah dan sebagainya.

LHDNM telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mac 1996 lanjutan daripada cadangan kerajaan memperbadankan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) semasa pembentangan Belanjawan oleh Menteri Kewangan Malaysia pada 30 Oktober 1992. Penubuhan Lembaga merupakan susulan daripada berkuat kuasanya Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) yang telah diwartakan pada 16 Februari 1995. Akta ini memperuntukkan bahawa LHDNM hendaklah bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberikan perkhidmatan mengenai perkara yang berhubung dengan cukai atau hasil-hasil lain di bawah akta yang

ditadbir oleh Lembaga. Walaupun diperbadankan, LHDNM masih diletakkan di bawah kawalan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bersama-sama agensi kerajaan yang lain seperti Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Tabung Haji dan lain-lain.

Perundangan dan sistem pentadbiran cukai langsung negara telah mengalami pasang surut dan zaman gemilang sejak era pascamerdeka. Sejak tahun 1948, lebih daripada 10 perundangan cukai langsung telah diperkenalkan. Sebahagian daripada perundangan tersebut masih dikekalkan dengan pindaan dari semasa ke semasa, manakala perundangan yang lapuk telah dimansuhkan. Pengenal, pindaan dan pemansuhan perundangan cukai digubal mengikut kesesuaian persekitaran, perkembangan dan pergolakan ekonomi global serta pentadbiran dalam negara. Perundangan cukai juga digubal berdasarkan keperluan rakyat di samping untuk merangsang ekonomi dan pembangunan negara.


Untuk beberapa dekad akan datang, hasil cukai langsung akan terus kekal relevan dalam arus perdana selaku mekanisme pembangunan ekonomi yang mapan. Oleh hal yang demikian, rakyat Malaysia perlulah bersama-sama menjalankan tanggungjawab percukaian mereka secara sukarela dengan mematuhi perundangan sedia ada. Segala sumbangan hasil cukai ini akan dipulangkan semula kepada rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan juga budaya. Sejarah telah membuktikan bahawa pembangunan sesebuah negara terletak di tangan rakyatnya sama ada untuk memilih kemajuan ataupun sebaliknya. 🇲🇾



Sumber: Poster LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bahagian 3: Menyorot Sejenak Sejarah Cukai Langsung Negara



Melintang

1. LHDNM merupakan sebuah agensi di bawah kawalan _____.
2. Kutipan cukai langsung yang tinggi menyumbang kepada pemberian _____ kepada rakyat.
3. Malaysia telah memilih untuk menggalakkan perkembangan industri yang berasaskan _____ serta perkembangan sektor perkhidmatan.
4. Impian Malaysia menjelang tahun 2050 adalah untuk menjadi sebuah _____.

Menegak

5. Antara subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat termasuklah _____.
6. Rakyat Malaysia hendaklah menjalankan tanggungjawab pematuhan cukai secara _____ untuk masa hadapan negara.
7. Cukai langsung negara menunjukkan trend _____ melebihi RM100 bilion pada setiap tahun sejak tahun 2011.
8. Bagi menggalakkan pelaburan asing dalam menggerakkan ekonomi negara, _____ cukai telah digubal dan disesuaikan dengan dasar semasa.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 Jun 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

HADIAH
MENARIK MENANTI
PENENANG